



PEJABAT PERDANA MENTERI
UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA

Aras 4, Setia Perkasa 5, Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia
No. Tel: 03-8886 6221, E-mel: infomitra.mitra.gov.my

MITRA.100-9/1/1 (40)

KENYATAAN MEDIA
PEMAKLUMAN PEMBUKAAN PERMOHONAN PROGRAM PEMERKASAAN
RUMAH IBADAT HINDU DI BAWAH PROGRAM DHARMA MADANI

PUTRAJAYA, 17 OKTOBER 2025 – Susulan perkembangan terkini berkaitan pelaksanaan Program Dharma MADANI, YB Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi selaku Pengerusi Jawatankuasa Pelaksanaan Inisiatif Masyarakat India (JPIMI) telah memutuskan supaya **pelaksanaan Program Dharma MADANI dilaksanakan oleh Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA).**

Permohonan bagi Program Dharma MADANI Tahun 2025 akan dibuka mulai 18 Oktober 2025 (Sabtu), jam 12.00 tengah malam hingga 3 November 2025 (Isnin), jam 11.59 malam.

Semua Rumah Ibadat Hindu di seluruh Malaysia adalah dijemput untuk mengemukakan permohonan melalui pautan *google form* [Borang Permohonan Program Pemerksaan Rumah Ibadat Hindu Di Bawah Program Dharma MADANI](#). Pemohon juga disarankan untuk merujuk pautan [Garis Panduan Permohonan Program Dharma MADANI](#) bagi memastikan permohonan yang dikemukakan adalah lengkap dan memenuhi syarat yang ditetapkan.

Maklumat permohonan juga boleh didapati di laman sesawang rasmi MITRA (www.mitra.gov.my) serta platform media sosial rasmi MITRA (Facebook).

-TAMAT-

UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA
PEJABAT PERDANA MENTERI
17 OKTOBER 2025